



17 Ogos 2011
17 August 2011
P.U. (A) 276

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

LAND PUBLIC TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES) REGULATIONS 2011



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT (PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 252(1)(e) Akta Pengangkutan Awam Darat [*Akta 715*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Pengangkutan Awam Darat (Pengkompaunan Kesalahan) 2011**.
- (2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 17 Ogos 2011.

Kesalahan yang boleh dikompaun

2. Kesalahan-kesalahan yang berikut ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun:
 - (a) kesalahan di bawah seksyen 152, 199, 200, 202 dan 206 dan subseksyen 14(2), 22(3), 45(6), 46(2), 48(2), 49(2), 71(2), 72(6), 73(3), 75(7), 77(4), 77(5), 78(2), 81(1), 82(3), 151(1), 151(2) dan 203(2) Akta; dan
 - (b) kesalahan terhadap Kaedah-Kaedah Bas Sekolah (Warna dan Tanda) 1987 [P.U. (A) 437/1987].

Pengkompaunan kesalahan

3. (1) Suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan oleh orang yang dinyatakan dalam subseksyen 235(2) Akta hendaklah dibuat dalam Borang 1 Jadual.
 - (2) Seseorang yang menyetuju terima suatu tawaran untuk mengkompaun kesalahan di bawah subperaturan (1) hendaklah mengemukakan bayaran bagi kompaun itu dengan menggunakan Borang 2 Jadual.

Pembayaran kompaun

4. (1) Apa-apa pembayaran kompaun berkenaan dengan suatu kesalahan yang dikompaun hendaklah dibuat secara tunai atau melalui kiriman wang, wang pos atau draf bank yang kena dibayar kepada Kumpulan Wang SPAD dan dipalang dengan perkataan “Akaun Penerima Sahaja”.

(2) Apa-apa pembayaran yang dibuat-

- (a) secara tunai hendaklah diserahkan sendiri; atau
- (b) melalui selain tunai boleh diserahkan sendiri atau dihantar melalui pos berdaftar prabayar yang dialamatkan,

ke pejabat orang yang membuat tawaran untuk mengkompaun itu.

(3) Orang yang membuat tawaran untuk mengkompaun kesalahan di bawah subperaturan 3(1) hendaklah mengeluarkan suatu resit rasmi bagi bayaran kompaun kepada orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

Penyampaian tawaran bertulis, dsb., melalui pos

5. Jika suatu tawaran bertulis atau dokumen lain disampaikan melalui pos berdaftar prabayar, tawaran bertulis atau dokumen lain itu hendaklah disifatkan sebagai telah diserahkan pada masa tawaran bertulis atau dokumen lain itu akan diserahkan dalam perjalanan biasa pos.

Pembatalan

6. Kaedah-Kaedah Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pengkompaunan Kesalahan) 2003 [P.U. (A) 54/2003] dibatalkan berkenaan dengan pemakaianya bagi Semenanjung Malaysia.

JADUAL

Borang 1
[subperaturan 3(1)]

*Form 1
[subregulation 3(1)]*

AKTA PENGANGKUTAN AWAM DARAT 2010

LAND PUBLIC TRANSPORT ACT 2010

PERATURAN-PERATURAN PENGANGKUTAN AWAM DARAT
(PENGKOMPAUNAN KESALAHAN) 2011

*LAND PUBLIC TRANSPORT (COMPOUNDING OF OFFENCES)
REGULATIONS 2011*

NOTIS TAWARAN UNTUK MENGKOMPAUN KESALAHAN

NOTICE OF OFFER TO COMPOUND OFFENCE

Apabila menjawab sila nyatakan:

When replying please quote:

No. Rujukan/Reference No.

Tarikh/Date:.....

Kepada/To:

.....
.....
.....
.....

(Nama, jawatan dan alamat orang yang membuat tawaran untuk mengkompaun)
(Name, designation and address of person who made the offer to compound)

Tuan/Puan,
Sir/ Madam,

Suatu maklumat/aduan* terhadap anda/syarikat* (nyatakan nama syarikat) telah diterima yang mengatakan pelakuan suatu kesalahan di bawah seksyen/peraturan*.....

.....
..... **

An information/complaint against you/company* (state name of company) has been received alleging the commission of an offence under section/regulation*.*

.....
..... **

Tarikh/*Date*:.....
Masa/*Time*:.....

Tempat/*Place*:.....

Nombor pendaftaran kenderaan/
Vehicle registration number:.....

Butir-butir kesalahan/
Particulars of the offence:
.....
.....
.....

2. Menurut subseksyen 235(2) Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715], anda ditawarkan suatu kompaun bagi kesalahan yang dinyatakan di atas bagi jumlah wang sebanyak RM..... (Ringgit Malaysia:).

2. Pursuant to subsection 235(2) of the Land Public Transport Act 2010 [Act 715], you are offered a compound for the offence as stated above for the sum of RM..... (Ringgit Malaysia:).

3. Jika tawaran di atas diterima, pembayaran boleh dibuat-

(a) secara tunai dan hendaklah diserahkan sendiri; atau